

Nasional

Selasa, 15 Mac 2022 **BH**

# Sekatan Filipina, Indonesia punca PATI sesak di depoh

Negara terbabit beri alasan tiada cukup tempat tampung warga dihantar pulang

Oleh Juwan Riduan  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Kelewatan penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin (PATI) dari Filipina dan Indonesia berpunca negara terbabit yang enggan menerima kemasukan semula rakyatnya dalam jumlah yang ramai.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud, berkata negara terbabit hanya menerima jumlah yang sangat kecil untuk dihantar pulang iaitu antara 20 orang hingga 30 orang sepanjang tempoh pandemik, sedangkan lebih



Khairul Dzaimie melihat saluran paip haram yang dibuat penduduk ketika operasi di penempatan setinggan di Likas, awal pagi semalam.

(Foto Mohd Adam Arinin /BH)

5,000 PATI berada di depoh Imigresen yang perlu diusir ketika ini.

Katanya, negara terbabit memberi alasan mereka tidak cukup tempat untuk menampung warga

yang dihantar pulang jika jumlahnya terlalu ramai.

“Bukan saja Filipina tetapi negara lain seperti Indonesia juga memberi alasan sama,” katanya selepas operasi di penempatan

setinggan di Likas, awal pagi semalam.

Khairul Dzaimie berkata, pengusiran PATI dijalankan secara berterusan bukan saja depoh di Sabah tetapi juga di seluruh negara.

“Bagi pengusiran membabitkan warga India atau Pakistan, mereka boleh diusir dengan cepat,” katanya.

Sementara itu, Khairul berkata, pengusiran PATI dari Filipina dijangka lebih cepat selepas ini susulan satu rundingan yang dibuat antara kedua-dua pihak, baru-baru ini.

“Dalam tempoh terdekat ini, dijangka seramai 850 PATI Filipina akan dihantar pulang ke negara asal mereka bagi setiap perjalanan.

“Bagaimanapun, baru-baru ini, satu rundingan telah dijalankan yang mana sekiranya mereka mengenakan syarat RTK (ujian COVID-19), kita bersetuju supaya warga Filipina ini dibiyai keluarga masing-masing supaya mereka boleh diusir dengan cepat,” katanya.